



## **NEGERI SABAH**

[JPAN: 700-3/2 JLD. 4/(195)]

### **PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 6/2025**

### **BANTUAN KHAS KEWANGAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI DAN PESTA KAAMATAN TAHUN 2025**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan Tahun 2025 kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan Tahun 2025 sebanyak RM1,000.00 kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 akan dibayar sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 dan Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 akan dibayar sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025. Insentif ini diharapkan akan memberi suntikan semangat kepada Penjawat Awam Negeri untuk berusaha lebih gigih demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih cemerlang.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## KAEDAH PELAKSANAAN

3. Kaedah pelaksanaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 sebanyak RM500.00 adalah seperti di **Lampiran A** manakala kaedah pelaksanaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025 sebanyak RM500.00 adalah seperti di **Lampiran B**.

## TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



[ DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR UNTONG, JP. ]  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 27 MAR 2025

**“SABAH MAJU JAYA”**

s.k.: Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Menara Kinabalu  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Tingkat 8,9,10 dan 11, Blok A, Menara Kinabalu  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada :      Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
                                     Semua Ketua Jabatan Negeri  
                                     Semua Pegawai Daerah  
                                     Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
                                     Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
                                     Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

**“SABAH MAJU JAYA”**

LAMPIRAN A

**KAEDAH PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2025**

**PEGAWAI YANG LAYAK**

1. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 **layak** diberikan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang masih berkhidmat pada 28 Mac 2025 seperti yang berikut:

- 1.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS);
- 1.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 1.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 1.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- 1.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

2. Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 sebanyak RM500.00 turut dipanjangkan kepada :

- 2.1 Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 28 Mac 2025 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut;
- 2.2 Pegawai lantikan politik dalam Perkhidmatan Awam Negeri; dan
- 2.3 Pegawai Kerajaan lantikan vot terbuka.

## PESARA

3. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* (COS) atau secara sementara dan masih berkhidmat pada 28 Mac 2025 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 sebanyak RM500.00 oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

## PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 28 Mac 2025 layak diberi Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 sebanyak RM500.00.

## PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

5. Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 ini **tidak diberikan** kepada:

- 5.1 pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 28 Mac 2025;
- 5.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 28 Mac 2025;
- 5.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 28 Mac 2025; dan
- 5.4 pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraannya.

## **PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN**

6. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 sehingga Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

## **TARIKH PEMBAYARAN**

7. Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 ini akan dibayar pada 28 Mac 2025.

## **TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

8. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

## LAMPIRAN B

### KAEDAH PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN SEMPENA PESTA KAAMATAN TAHUN 2025

#### PEGAWAI YANG LAYAK

1. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025 **layak** diberikan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang masih berkhidmat pada 21 Mei 2025 seperti yang berikut:

- 1.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS);
- 1.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 1.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 1.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- 1.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

2. Bantuan Khas Kewangan sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025 sebanyak RM500.00 turut dipanjangkan kepada :

- 2.1 Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 21 Mei 2025 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut;
- 2.2 Pegawai lantikan politik dalam Perkhidmatan Awam Negeri; dan
- 2.3 Pegawai Kerajaan lantikan vot terbuka.

## **PESARA YANG DILANTIK SEMULA SECARA *CONTRACT OF SERVICE* (COS) ATAU SECARA SEMENTARA**

3. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* (COS) atau secara sementara dan masih berkhidmat pada 21 Mei 2025 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025 sebanyak RM500.00 yang akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

## **PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

4. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 21 Mei 2025 layak diberi Bantuan Khas Kewangan sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025 sebanyak RM500.00.

## **PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**

5. Bantuan Khas Kewangan sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025 ini **tidak diberikan** kepada:

- 5.1 pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 21 Mei 2025 ;
- 5.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 21 Mei 2025;
- 5.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 21 Mei 2025; dan
- 5.4 pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraannya.



## **PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN**

6. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

## **TARIKH PEMBAYARAN**

7. Bantuan Khas Kewangan sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025 ini akan dibayar serentak dengan pembayaran gaji bulan Mei 2025.

## **TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

8. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan sempena Pesta Kaamatan Tahun 2025 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.